



JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

TEKS KHUTBAH

Tajuk:

SABAR, IKHTIAR DAN TAWAKAL

Tarikh Dibaca:

**17 JAMADILAWAL 1445H /
1 DISEMBER 2023**

Disediakan oleh:

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia



إِذْ بَدَأَ الْإِنْسَانَ مِنْ عَلَقٍ
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

SABAR, IKHTIAR DAN TAWAKAL

1 DISEMBER 2023 / 17 JAMADILAWAL 1445H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَلَتَبْلُوَنَّكُمْ بِشَيْءٍ مِّنَ الْخَوْفِ وَالْجُوعِ وَنَقْصٍ مِّنَ الْأَمْوَالِ وَالْأَنْفُسِ وَالثَّمَرَاتِ وَبَشِّرِ

الصَّابِرِينَ ١٠٥ (سورة البقرة)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ

وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ

اللَّهُ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تَفْلِحُونَ.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Perbanyakkan berselawat ke atas Nabi Muhammad SAW. Mudah-mudahan kehidupan kita sentiasa dalam rahmat Allah SWT. Khatib mengingatkan para jemaah agar memberi sepenuh perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan dan tidak melakukan perkara-perkara yang *lagha* seperti menggunakan telefon dan berbual-bual. Tumpukan perhatian pada khutbah yang akan disampaikan, mudah-mudahan kita semua mendapat *hidayah* dan *taufiq* dari Allah SWT.

Pada hari ini khatib ingin membicarakan khutbah bertajuk: “Sabar, Ikhtiar Dan Tawakal”.

Sebelum itu, khatib ingin mengingatkan seluruh umat Islam untuk terus mendoakan keselamatan, kesabaran dan kemenangan buat penduduk Palestin dalam menghadapi kekejaman dan penindasan Rejim Zionis Israel. Bantulah mereka dengan apa-apa jua cara yang termampu dan janganlah kita biarkan mereka bersendirian menghadapi ujian yang sangat berat itu. Teruslah berdoa dan bermunajat kepada Allah SWT agar Allah SWT memberi kekuatan, kesabaran, dan kemenangan buat mereka dalam membina semula kehidupan dan dalam memperjuangkan Bumi al-Quds. *Insyallah*.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Kehidupan di dunia ini tidak terlepas dari ujian dan cubaan dari Allah SWT, sama ada berbentuk kesenangan mahupun bentuk kesusahan. Ia merupakan *sunnatullah* yang mesti dilalui oleh setiap hamba Allah SWT. Allah SWT turut menyatakan bahawa kunci bagi menghadapi ujian tersebut ialah dengan sabar sebagaimana disebut dalam firman Allah SWT dalam Surah al-Baqarah ayat 155 yang menjadi mukadimah khutbah tadi bermaksud:

“Demi sesungguhnya! Kami akan menguji kamu dengan sedikit perasaan takut (kepada musuh) dan (dengan merasai) kelaparan, dan (dengan berlakunya) kekurangan dari harta benda dan jiwa serta hasil tanaman. Dan berilah khabar gembira kepada orang-orang yang sabar”.

Sebagai umat Islam, kita meyakini bahawa segala yang berlaku merupakan atas kehendak dan izin Allah SWT juga. Dalam Surah al-Taghabun ayat 11, Allah SWT berfirman:

مَا أَصَابَ مِنْ مُصِيبَةٍ إِلَّا بِإِذْنِ اللَّهِ وَمَنْ يُؤْمِنْ بِاللَّهِ يَهْدِ اللَّهُ قَلْبَهُ وَاللَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ ۝

Maksudnya: *“Tidak ada kesusahan (atau bala bencana) yang menimpa (seseorang) melainkan dengan izin Allah; dan sesiapa yang beriman kepada Allah, Allah akan memimpin hatinya (untuk menerima apa yang telah berlaku itu dengan tenang dan sabar); dan (ingatlah), Allah Maha Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu”*.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Saban tahun, apabila kita memasuki penghujung tahun, kita akan berhadapan dengan musim Monsun Timur Laut atau kita lebih kenal dengan musim tengkujuh. Musim

tengkujuh membawa kepada situasi hujan lebat berterusan yang boleh mengakibatkan banjir berserta angin kencang. Kita telah melihat beberapa peristiwa banjir besar yang memusnahkan banyak harta dan kemudahan-kemudahan awam, juga kehilangan nyawa. Setakat ini, beberapa negeri seperti Terengganu, Kelantan, Selangor dan beberapa negeri lain telah pun mengalami banjir yang menjejaskan ribuan penduduk. Inilah bentuk ujian Allah SWT. Semoga semua mangsa dapat terus bersabar menghadapi ujian ini dan mudah-mudahan Allah SWT akan menggantikan dengan yang lebih baik.

Kita juga seharusnya menginsafi kejadian banjir atau apa jua bencana alam yang berlaku hakikatnya berpunca dari tangan-tangan manusia sendiri.

Allah SWT menjadikan musibah dan cubaan tersebut sebagai ubat pembersih untuk mengeluarkan semua kotoran dan penyakit hati yang ada pada hamba-Nya. Jika seandainya kotoran dan penyakit tersebut tidak dibersihkan maka dia akan binasa (kerana dosa-dosanya), atau setidak-tidaknya berkurang pahala dan darjatnya di sisi Allah SWT. Jadi musibah dan cubaanlah yang membersihkan penyakit-penyakit itu, sehingga hamba tersebut meraih pahala yang sempurna dan kedudukan yang tinggi di sisi Allah SWT. Inilah makna sabda Rasulullah SAW ketika ditanya siapakah manusia yang paling berat ujiannya. Maka Baginda SAW menjawab:

الْأَنْبِيَاءُ ثُمَّ الْأَمْثَلُ فَالْأَمْثَلُ فَيَبْتَلِي الرَّجُلَ عَلَى حَسَبِ دِينِهِ فَإِنْ كَانَ دِينُهُ صُلْبًا اشْتَدَّ
بَلَاؤُهُ وَإِنْ كَانَ فِي دِينِهِ رِقَةٌ ابْتَلِيَ عَلَى حَسَبِ دِينِهِ فَمَا يَبْرَحُ الْبَلَاءُ بِالْعَبْدِ حَتَّى يَتْرُكَهُ
يَمْشِي عَلَى الْأَرْضِ مَا عَلَيْهِ خَطِيئَةٌ

Maksudnya: “Orang yang paling banyak mendapatkan ujian (di jalan Allah SWT) ialah para Nabi kemudian orang-orang yang (kedudukannya) setelah mereka (dalam keimanan) dan orang-orang yang (kedudukannya) setelah mereka (dalam keimanan), (setiap) orang akan diuji sesuai dengan (kuat/lemahnya) agama (iman)nya, kalau agamanya kuat maka ujiannya pun akan (makin) besar, kalau agamanya lemah maka dia akan diuji sesuai dengan (kelemahan) agamanya, dan akan terus-menerus ujian itu (Allah SWT) timpakan kepada seorang hamba sampai (akhirnya) hamba tersebut berjalan di muka bumi dalam keadaan tidak punya dosa (sedikitpun)”. (Hadis riwayat Imam al-Tirmidzi)

Allah SWT menjadikan musibah dan cubaan tersebut sebagai sebab untuk menyempurnakan penghambaan diri dan ketundukan seorang Mukmin kepada-Nya, kerana Allah SWT mencintai hamba-Nya yang selalu taat beribadah kepada-Nya dalam semua keadaan, sama ada susah mahu pun senang. Inilah juga makna sabda Rasulullah SAW:

عَجَبًا لِأَمْرِ الْمُؤْمِنِ إِنَّ أَمْرَهُ كُلَّهُ خَيْرٌ وَلَيْسَ لِأَحَدٍ إِلَّا لِلْمُؤْمِنِ إِنْ أَصَابَتْهُ سَرَاءٌ شَكَرَ
فَكَانَ خَيْرًا لَهُ وَإِنْ أَصَابَتْهُ ضَرَاءٌ صَبَرَ فَكَانَ خَيْرًا لَهُ

Maksudnya: “Sungguh mengagumkan keadaan seorang Mukmin, semua keadaannya (membawa) kebaikan (untuk dirinya), dan ini hanya ada pada seorang Mukmin; jika dia mendapatkan kesenangan dia akan bersyukur, maka itu adalah kebaikan baginya, dan jika dia ditimpa kesusahan dia akan bersabar, maka itu adalah kebaikan baginya”. (Hadis riwayat Imam Muslim)

SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Justeru, bagi menghadapi situasi banjir dan apa-apa jua kemungkinan berlakunya bencana alam, kita dituntut untuk mempersiapkan diri dan seluruh ahli keluarga dengan persiapan-persiapan jasmani selaras dengan kewajipan memelihara nyawa dan harta benda menurut prinsip *Maqasid al-Syariah*. Antaranya;

1. Mengumpul dan menyimpan dokumen-dokumen penting di tempat yang sesuai dan selamat.
2. Memastikan semua peralatan atau barang berharga dan penting dilindungi dengan baik seperti membalut peralatan dan barang berharga dari terkena air banjir. Sekiranya air banjir terkena barang yang dimaksudkan, kerosakan adalah sangat minima atau tidak rosak kerana tindakan awal telah diambil.
3. Menilai situasi sekeliling premis, jika dilihat masih selamat segera matikan semua suis perkakasan/peralatan elektrik yang ada di dalam premis/rumah dan tidak lagi menggunakannya.
4. Sesekali tidak mendekati sebarang peralatan atau perkakasan elektrik yang dilihat terdedah kepada banjir atau air dan tidak menyentuhnya.

5. Hubungi Tenaga Nasional Berhad (TNB) di talian 15454 untuk tindakan mematikan punca bekalan elektrik di luar kawasan rumah sekiranya paras air meningkat ke satu takat yang difikirkan bahaya. Pada masa yang sama, pihak TNB juga hendaklah proaktif dalam memastikan perkara ini dapat dilakukan seberapa segera.
6. Sentiasa peka dengan arahan atau pengumuman yang dikeluarkan oleh pihak berautoriti dari semasa ke semasa.

Seterusnya, bertawakallah kepada Allah SWT dan mohonlah perlindungan daripada-Nya agar melindungi kita semua dari bencana yang dahsyat. Sesungguhnya hanya kepada Allah jualah tempat yang selayaknya kita memohon pertolongan.

Renungkanlah firman Allah SWT;

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَصْبِرُوا وَصَابِرُوا وَرَابِطُوا وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ...

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman! Bersabarlah kamu (menghadapi segala kesukaran dalam mengerjakan perkara-perkara yang berkebajikan), dan kuatkanlah kesabaran kamu lebih daripada kesabaran musuh, di medan perjuangan), dan bersedialah (dengan kekuatan pertahanan di daerah-daerah sempadan) serta bertakwalah kamu kepada Allah supaya, kamu berjaya (mencapai kemenangan)”. (Surah ali Imran ayat 200)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَاسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرُكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمْرُكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى

النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ٥٦

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنْ التَّابِعِينَ وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ أَيْدٍ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالصَّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ جَلَالَةَ مَلَكْنَا كَبَاوَهُ دَوْلِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سَرِي قُدُوكْ بِكِينْدَا يَغْ دَفْرَتَوَانِ اَكُوغْ، السُّلْطَانَ عَبْدَ اللَّهِ رِعَايَةَ الدِّينِ الْمُصْطَفَى بِاللَّهِ شَاهِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانَ حَاجِ أَحْمَدِ شَاهِ الْمُسْتَعِينِ بِاللَّهِ.

وَكَذَلِكَ كَبَاوَهُ دَوْلِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سَرِي قُدُوكْ بِكِينْدَا رَاجِ فَرْمَايسُورِي اَكُوغْ، تُونُوكُو عَزِيْزُهُ أَمِيْنُهُ مِيْمُونُهُ إِسْكَندَرِيْهُ بِنْتِ الْمَرْحُومِ الْمُتَوَكَّلِ عَلَى اللَّهِ سُلْطَانَ إِسْكَندَرِ الْحَاجِ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَرَءَهُ وَقَضَاتَهُ وَعَمَالَهُ وَرِعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا آمِنًا مُطْمَئِنًّا، سَخَاءَ رِخَاءٍ، دَارَ عَدْلِ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ،
وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَانصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ،
وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ عَلَيْكَ بِالْيَهُودِ الْمُعْتَدِينَ، الَّذِينَ قَتَلُوا إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ فِي فَلَسْطِينَ، اللَّهُمَّ عَلَيْكَ
بِهِمْ، فَإِنَّهُمْ لَا يُعْجِزُونَكَ، اللَّهُمَّ شَتِّتْ شَمْلَهُمْ وَفَرِّقْ جَمْعَهُمْ وَاجْعَلِ الدَّائِرَةَ عَلَيْهِمْ،
اللَّهُمَّ أَحْصِهِمْ عِدْدًا، وَاقْتُلْهُمْ بَدَدًا، وَلَا تَغَادِرْ مِنْهُمْ أَحَدًا، اللَّهُمَّ أَنْزِلْ عَلَيْهِمْ وَعَلَى مَنْ
عَاوَنَهُمْ، بِأَسْكَ الَّذِي لَا يُرَدُّ عَنِ الْقَوْمِ الظَّالِمِينَ. اللَّهُمَّ أَرْسِلْ عَلَيْهِمْ طَيْرًا أَبَابِيلَ،
تَرْمِيهِمْ بِحِجَارَةٍ مِنْ سِجِّيلٍ، فَجَعَلَهُمْ كَعَصْفٍ مَأْكُولٍ.
اللَّهُمَّ انصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ وَالْمُسْتَضْعَفِينَ فِي فَلَسْطِينَ.

Ya Allah! Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya hanya kepada Engkau kami merayu memohon pertolongan. Ampunilah dosa seluruh kaum Muslimin. Selamatkanlah saudara-saudara kami kaum Muslimin yang ditindas di Palestin dan di mana-mana sahaja mereka berada. Ya Allah! Kasihanilah mereka yang selama ini menjadi mangsa kekejaman Zionis Israel. Keluarkan mereka dari penindasan serta kesempitan yang mereka alami selama ini. Ya Allah! Dengarlah doa dan suara kami ini. Sesungguhnya kami tidak sanggup lagi melihat saudara-saudara kami dibunuh dan diperlakukan dengan kejam oleh Zionis Israel. Satukanlah hati seluruh umat Islam di dunia untuk memerangi kekejaman dan kezaliman Zionis Israel. Hapuskanlah segala kezaliman yang ada di muka bumi ini. Kurniakanlah kekuatan dan kemenangan kepada saudara-saudara kami kaum Muslimin di Palestin. Berikanlah kepada pejuang-pejuang Islam serta rakyat Palestin kekuatan, kesabaran serta kemenangan menghadapi kekejaman musuh. Ya Allah! Kembalikanlah Bumi Palestin ke pangkuan kaum Muslimin.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَجْعَلُكَ فِي نُحُورِ أَعْدَائِنَا، وَنَعُوذُ بِكَ مِنْ شُرُورِهِمْ. اللَّهُمَّ بَدِّدْ شَمْلَهُمْ، وَفَرِّقْ
جَمْعَهُمْ وَشَتِّتْ كَلِمَتَهُمْ، وَزَلْزَلْ أَقْدَامَهُمْ، وَسَلِّطْ عَلَيْهِمْ كَلْبًا مِنْ كِلَابِكَ، يَا قَهَّارُ، يَا
جَبَّارُ، يَا مُنْتَقِمُ يَا اللَّهُ. اللَّهُمَّ يَا مُنْزِلَ الْكِتَابِ، يَا مُجْرِيَ السَّحَابِ، يَا هَازِمَ الْأَحْزَابِ،
إِهْزِمِ أَعْدَاءَ الْمُسْلِمِينَ، إِهْزِمِهِمْ! إِهْزِمِهِمْ! وَانصُرِ الْمُسْلِمِينَ عَلَيْهِمْ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمُحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا
وَمَا بَطَنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.
اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُدَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ، يَا أَرْحَمَ
الرَّاحِمِينَ.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ،

﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ١٠﴾
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَأَسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.